

Usah letak syarat: PM

GEORGETOWN, Sabtu — Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, bekas ahli Majlis Tertinggi (MT) yang dijemput menduduki semula kerusi MT tidak harus mengenakan syarat untuk menerima pelawaan itu.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Dwitahunan Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) di sini hari ini, beliau berkata, inilah sahaja tawaran yang boleh dibuat oleh MT bagi memenuhi kehendak segolongan cendekawan Melayu yang mahu menyatupadukan orang Melayu.

Semalam, sebuah akhbar me-

metik Ahli Parlimen Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad sebagai berkata, beliau sudi menerima jemputan itu dengan syarat tidak perlu menjadi ahli Umno.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak ingin mengulas pandangan sesetengah pihak bahawa mereka berhak menganggotai ahli MT dan perkara itu bukan soal keistimewaan.

"Kalau saya mengulas, ia akan mencetuskan perbahasan," katanya.

Mengenai pemecatan Naib Presiden MIC, Encik M G Pandithan, Perdana Menteri enggan mengulas kedudukannya sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

"Saya tidak mahu komen kerana Presiden MIC, Datuk S Samy Vellu belum berjumpa saya mengenai perkara itu," katanya.

Menurutnya, ada amalan-amalan masa lalu boleh dijadikan contoh.

Mengenai pergolakan dalam parti komponen BN, Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata perkembangan itu sihat kerana ia menunjukkan BN masih bersatu selepas penubuhannya 13 tahun lalu.

Katanya, di Britain bermacam-macam pergolakan berlaku di antara parti Liberal dan Social Democrat Party (SDP) tetapi di Malaysia, BN berjaya mengatasi masalah yang hampir sama hingga sekarang.